

30 JUL 1996

CANSELOR AUSTRIA TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

PETALING JAYA, 30 Julai (Bernama) -- Canselor Austria Dr Franz Vranitzky tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi selama empat hari, lawatan pertamanya ke Malaysia.

Ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad, yang juga menteri pengiring.

Sebanyak 25 orang anggota delegasi yang turut mengiringinya termasuk menteri, pegawai-pegawai kerajaan dan ahli perniagaan.

Dr Vranitzky kemudiannya pergi ke Medan Parlimen bagi majlis sambutan rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau dijadualkan mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara tengah hari ini.

Dr Vranitzky juga akan mengunjungi Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri dan kedua-dua pemimpin itu akan menghadiri mesyuarat delegasi.

Kali terakhir kedua-dua pemimpin itu bertemu ialah pada mesyuarat Asia-Eropah yang pertama di Bangkok pada bulan Mac.

Dr Vranitzky akan menghadiri jamuan makan malam yang dianjurkan Dr Mahathir di Sri Perdana. -- BERNAMA

HAK WE